UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
UNIMAS

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

# PEMASARAN TUDUNG KERINGKAM DI TAMAN PELANGI MATANG, KUCHING SARAWAK


**Siti Fatimah bt Marikan**

**53846**


**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian**

**(WA59 - Pengurusan Seni)**

**2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: ____________

Please tick (√)
Final Year Project Report ☑
Masters ☐
PhD ☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 5 day of Jun 2018

**Student's Declaration**

I SITI FATIMAH BT MARIKAN (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled, PEMASARAN KERINGKAM DI TAMAN PELANGI, MATANG is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

5/6/2018
Date submitted

Name of the student (Matric No.)
SITI FATIMAH BT MARIKAN
53846

**Supervisor's Declaration:**

I, MOHD. SHARIZAM HAMZAH (SUPERVISOR'S NAME), hereby certify that the work entitled, PEMASARAN KERINGKAM DI TAMAN PELANGI MATANG (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of ...................................... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: ____________________
(Name of the supervisor)

Date: 5/6/18.

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

☐ CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
☐ RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
☑ OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission

Student's signature ____________ (Date) 5/6/2018

Supervisor's signature: ____________ (Date) 5/6/18

Current Address:
NO 16B, FIRST FLOOR, JALAN DATOK, 93400 KUCHING SARAWAK

Notes. * If the Project/Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

# PEMASARAN TUDUNG KERINGKAM DI TAMAN PELANGI MATANG, KUCHING SARAWAK

SITI FATIMAH BT MARIKAN

53846

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

Projek ini bertajuk '**Pemasaran Tudung Keringkam di Taman Pelangi Matang, Kuching Sarawak'** telah disediakan oleh **Siti Fatimah bt Marikan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian **(Pengurusan Seni)**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

___________________________

(Encik Sharizam bin Hamzah)

Tarikh:_________________

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(SITI FATIMAH BT MARIKAN)

53846

Program Pengurusan Seni

# PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Mohd Sharizam bin Hamzah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, dan semangat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar beliau, kajian ini tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Tidak lupa juga keluarga saya terutamanya emak, Rafsah bt Abdullah. Terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan beliau dalam membesarkan saya selama ini. Ucapan terima kasih kepada ahli keluarga yang telah banyak memberi sokongan kepada saya untuk sentiasa bersemangat dalam pelajaran. Tanpa doa mereka tidak mungkin saya berada sampai tahap ini.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada penyulam Keringkam iaitu Encik Danny bin Mohamad Zulkifli, dan Encik Amirul Shazlie bin Yusuf serta Pegawai Muzium Negeri Sarawak iaitu Cik Natasha Nur Amarina kerana telah sudi memberikan kerjasama, bantuan dan maklumat untuk menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang dikasihi, terima kasih kerana banyak memberi sokongan kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segalanya. Jasa kalian amat dihargai dan selamat maju jaya.

# ISI KANDUNGAN

**ISI KANDUNGAN** **MUKA SURAT**

PENGHARGAAN ........................................................................................ I

ISI KANDUNGAN ..................................................................................... II-III

ABSTRAK ........................................................................................ IV

ABSTRACT ........................................................................................ V

SENARAI GAMBAR ........................................................................................ VI

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0. Pengenalan ........................................................................................ 1-2

1.1. Latar belakang kajian ........................................................................ 3-4

1.2. Permasalahan kajian ........................................................................ 4

1.3. Persoalan kajian ........................................................................ 4-5

1.4. Objektif kajian ........................................................................ 5-6

1.5. Kepentingan kajian ........................................................................ 6-7

1.6. Skop dan batasan kajian ........................................................................ 7-8

1.7. Limitasi kajian ........................................................................ 8

1.8. Kesimpulan .......................................................................................... 8-10

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0. Pengenalan .......... 11

2.1. Buku .......... 11-13

2.2. Tesis .......... 13-15

2.3. Jurnal .......... 15-18

2.4. Surat khabar .......... 18-19

2.5. Kesimpulan .......... 19

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0. Pengenalan .......... 20

3.1. Teknik Pengumpulan Data .......... 20

3.1.1. Kaedah kualitatif .......... 20-21

3.2. Sumber Data .......... 21

3.2.1. Data primer .......... 21-22

3.3. Teori .......... 22-23

3.4. Kesimpulan .......... 24

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0. Pengenalan .......... 25

4.1. Persoalan pertama .......................................................................... 25-32

4.2. Persoalan kedua.......................................................................... 33-37

4.3. Persoalan ketiga .......................................................................... 38-42

4.4. Kesimpulan .......................................................................... 42

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0. Pengenalan .......................................................................................... 43

5.1. Cadangan

5.1.1. Cadangan 1 .......................................................................................... 43-44

5.1.2. Cadangan 2 .......................................................................................... 44-45

5.1.3. Cadangan 3 .......................................................................................... 45-46

5.2. Kesimpulan .......................................................................................... 46-47

RUJUKAN

LAMPIRAN

# ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Pemasaran Keringkam sebagai aksesori dan identiti masyarakat Melayu Sarawak terutama kaum wanita. Kajian ini dilakukan di Taman Pelangi Matang, Kuching Sarawak. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu penyulam-penyulam Keringkam dalam memasarkan produk mereka secara lebih meluas di samping mempopularkan Keringkam sebagai identiti wanita Melayu Sarawak.

# ABSTRACT

This study is about Marketing Keringkam as an accessory and the identities of the Malay community especially women. This study was conducted at Taman Pelangi Matang, Kuching Sarawak. The findings of this study are to help the embroiderers in Keringkam to market their products widely as well as popularize the identity of the Sarawak Malay women.

# SENARAI GAMBAR

Senarai Gambar Muka Surat

4.3.Gambar 1 : Dayang Lehut, Dayang Sahada, Sylvia Brooke, Mrs Maxwell, dan dua orang pengiring yang menggunakan sepersalinan penuh iaitu kain songket dan Keringkam. ........................................................................................................ 41

LAMPIRAN

Gambar 2 : Informan

Gambar 3 : Pengkaji Bersama Penyulam Ketika Sesi Temubual

Gambar 4 : Benang Asas untuk Menyulam

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.0. Pengenalan

Tudung Keringkam atau ‘Keringkam’ atau turut dikenali dengan nama ‘Selendang Keringkam’ atau ‘Selayah Keringkam’ adalah identiti wanita Melayu di Sarawak. Aksesori ini menyerupai tudung dan digunakan untuk menutup rambut kaum wanita. Ia mempunyai persamaan dengan tudung yang biasa digunakan untuk menutup aurat kaum wanita Islam di Malaysia.

Dipercayai, sejarah penghasilan Keringkam bermula di India (Kamil, 2006; Muhammad, 2015). Kenyataan ini turut disokong oleh Pengarah Kraftangan Malaysia cawangan Sarawak iaitu Azran Arip (Muhammad, 2015). Namun terdapat juga dakwaan yang mengatakan bahawa Keringkam berasal dari India. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, didapati bahan asas yang digunakan dalam penghasilan Keringkam adalah pita logam nipis bersadur emas. Pita tersebut hanya boleh diperolehi di India dengan kajian mendapati terdapat perkataan *“made in India*” di bungkusan pita logam tersebut sebelum dibawa masuk ke Sarawak melalui Singapura (Muhammad, 2015, m.s. 18).

Identiti Keringkam sebagai aksesori di kepala wanita begitu sinonim dengan masyarakat Melayu Sarawak. Pada waktu yang sama, penularan Keringkam memasuki Semenanjung Malaysia dengan nama yang berbeza iaitu ‘Kelingkan’ (Fatimah, 2017). Sejarah awal Keringkam bermula sekitar tahun 1940an dengan perkembangan aksesori tersebut mengambil masa sekitar 20 tahun. Harga Keringkam

yang mahal pada ketika itu menyebabkan aksesori tersebut tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan wanita di Sarawak. Justeru tidak hairanlah penggunaan Keringkam sebagai aksesori di kepala hanya terhad kepada "golongan bangsawan dan orang kaya seperti isteri-isteri gabenor dan isteri-isteri pembesar" era 1960an (Kamil Salem, 2006, m.s. 5). Kini, Keringkam mampu dimiliki oleh kebanyakan wanita Melayu Sarawak dan turut digunakan sebagai majlis adat istiadat seperti majlis pertunangan, akad nikah, majlis persandingan, khatam al-Quran, dan majlis bergendang (Nazlina dan Norhayati, 2008).

## 1.1. Latar belakang kajian

Pengkaji memilih Encik Danny bin Mohamad Zulkifli seorang guru bahasa Melayu dan Matematik di Sekolah Rendah SLDB No 1, Mukah sebagai responden kajian. Beliau melakukan aktiviti penyulaman Keringkam pada masa lapang terutama pada hujung minggu. Beliau mempunyai pengalaman selama 5 tahun dalam penyulaman Keringkam.

Minat terhadap penyulaman Keringkam sejak berumur 18 tahun dan mula terlibat dalam aktiviti penyulaman sekitar umur 33 tahun. Minat timbul apabila beliau mewarisi satu Keringkam yang telah dibingkaikan berusia 80 tahun dari arwah neneknya. Ketika berusia 35 tahun, beliau membuat keputusan untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti penyulaman Keringkam. Beliau mempelajari teknik-teknik penyulaman Keringkam ini melalui rakannya iaitu Encik Amirul dan Puan Saadiah yang berasal dari Kampung Lintang, Kuching Sarawak.

Selepas 5 tahun terlibat dalam aktiviti penyulaman Keringkam, beliau kini mempunyai tempahan permintaan dari peminat aksesori tersebut. Rata-rata pelanggannya datang dari sekitar Kuching. Beliau turut mendapat tempahan dari organisasi kecil dan besar seperti Amanah Kebudayaan Yayasan Bangsa Melayu Sarawak (AKYBMS), Muzium Negeri Sarawak, Kraftangan Malaysia cawangan Sarawak, *Sarawak State Repesotory*, dan organisasi yang berkaitan. Pada asalnya, penghasilan tudung Keringkam adalah sebagai hobi untuk mengisi masa lapang. Namun, hasil tudung keringkam yang telah siap mampu menarik pelanggan untuk membeli dengan harga yang tinggi. Ini kerana kekemasan dalam penyulaman Keringkam telah menyebabkan penggemar-penggemar aksesori ini sama ada orang

perseorangan atau organisasi berminat untuk memiliki tudung Keringkam milik beliau. Dakwa beliau pendapatan sampingan diperoleh hasil penyulaman keringkam pada hujung minggu di rumah beliau di Kampung Matang Hilir mencecah ribuan ringgit.

### 1.2. Permasalahan kajian

Berdasarkan pembacaan awal, didapati pemasaran Keringkam adalah terhad. Ini kerana, proses penghasilan sehelai Keringkam mengambil masa selama satu sehingga tiga bulan untuk disiapkan. Seterusnya proses di dalam menjual sehelai Keringkam kerana harganya yang mahal iaitu sekitar RM 3000 hingga RM 4000 bagi motif mengikut lembar pita logam yang digunakan.

Justeru, satu kaedah pemasaran Keringkam yang bersesuaian perlu diperolehi bagi memastikan Keringkam akan terus wujud sebagai satu identiti masyarakat wanita Melayu Sarawak. Kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini lebih tertumpu kepada motif dan corak Keringkam namun pengkaji belum menemui satu kajian yang tertumpu kepada pemasaran Keringkam sebagai produk sini yang mempunyai identiti budaya Sarawak. Seterusnya, pemasaran Keringkam perlu dijalankan bagi memastikan pemasaran Keringkam berkembang.

### 1.3. Persoalan kajian

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati beberapa persoalan utama yang timbul iaitu

1. Bagaimana Keringkam dipasarkan?

Di sini pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah Encik Danny bin Mohamad Zulkifli memasarkan produk beliau dan bagaimanakah pembeli mengetahui produk seni Keringkam yang ditawarkan Encik Danny bin Mohamad Zulkifli untuk dijual.

2. Bagaimana penetapan harga bagi Keringkam yang hendak dipasarkan?

Di sini pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah Encik Danny bin Mohamad Zulkifli menetapkan harga bagi Keringkam yang telah siap dihasilkan untuk dijual kepada pembeli.

3. Bagaimana kelangsungan Keringkam pada masa hadapan dan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikannya kekal sebagai identiti tradisi wanita Melayu Sarawak?

Di sini pengkaji ingin mengetahui bagaimana Encik Danny bin Mohamad Zulkifli memastikan Keringkam terus dikekalkan pada generasi yang akan datang dan apakah usaha yang diambil oleh beliau untuk kelangsungan Keringkam.

## 1.4. Objektif kajian

Di dalam kajian ini, beberapa objektif telah ditetapkan bagi memastikan pengkaji mencapai matlamat kajian iaitu

1. Mengenalpasti pasaran Keringkam di Taman Pelangi Matang, Kuching, Sarawak.

Di sini pengkaji akan mengkaji pasaran Keringkam yang telah dihasilkan sendiri oleh Encik Danny bin Mohamad Zulkifli di Taman pelangi Matang, Kuching Sarawak.

2. Mengkaji pengaruh penetapan harga bagi sehelai Keringkam.

Di sini pengkaji akan mengkaji pengaruh yang menyebabkan penetapan harga bagi sehelai Keringkam oleh Encik Danny bin Mohamad Zulkifli.

3. Menghuraikan kelangsungan Keringkam dan usaha pengekalannya sebagai identiti tradisi wanita Melayu Sarawak.

Di sini pengkaji akan menghuraikan kelangsungan Keringkam dan usaha yang diambil untuk mengekalkannya pada masa akan datang sebagai identiti wanita Melayu Sarawak.

**1.5. Kepentingan kajian**

Tajuk kajian ini telah dipilih setelah mengenalpasti kepentingan dan sumbangan yang diperoleh daripada hasil dapatan kajian untuk beberapa pihak tertentu iaitu

1. Organisasi-organisasi yang berkaitan dengan produk kraftangan

Pengkaji telah mengenalpasti kepentingan dan sumbangan kepada organisasi-organisasi yang berkaitan seperti Amanah Kebudayaan Yayasan Bangsa Melayu Sarawak (AKYBMS), Muzium Negeri Sarawak dan Kraftangan Malaysia cawangan Sarawak. Untuk pengetahuan, ketika sedang melakukan kajian ini,

pengkaji telah diminta oleh Cik Natasha Nur Amarina Pegawai Pembangunan Maklumat dan Dokumentasi Jabatan Muzium Sarawak untuk berkongsi hasil kajian yang bakal diperolehi nanti kepada beliau. Pengkaji juga percaya, hasil kajian nanti mampu membantu industri-industri lain dalam bidang pemasaran berkaitan Keringkam.

2. Pengkaji yang akan datang

Pengkaji telah mengenalpasti kepentingan dan sumbangan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan juga bahan bacaan kepada pengkaji dan juga pihak yang ingin mengetahui Keringkam sebagai identiti wanita Melayu Sarawak.

3. Pengkaji sendiri

Pengkaji telah mengenalpasti kepentingan dan sumbangan kepada pengkaji sendiri pada masa akan datang. Ini kerana, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan bacaan semula kepada diri pengkaji. Justeru, kajian ini nanti dapat membantu pengkaji sekiranya pengkaji berminat untuk mengkaji dengan lebih dalam dan spesifik terhadap Keringkam.

## 1.6. Skop dan batasan kajian

Skop dan batasan kajian adalah tertumpu kepada Encik Danny bin Mohamad Zulkifli. Beliau adalah seorang guru Sekolah Rendah Kebangsaan SLDB No 1,

Mukah. Aktiviti penyulaman Keringkam merupakan kerja sambilan dan hanya dilakukan pada masa lapang seperti hujung minggu dan cuti sekolah. Minat beliau terhadap penyulaman Keringkam mendorong beliau untuk mempelajari teknik-teknik yang digunakan untuk menghasilkan Keringkam.

Kajian ini juga akan dibataskan di tempat kediaman Encik Danny bin Mohamad Zulkifli di Taman Pelangi Matang, Jalan Matang, Kuching Sarawak. Beliau menjalankan aktiviti penyulaman Keringkam di rumahnya. Peralatan-peralatan yang digunakan untuk menghasilkan Keringkam cukup lengkap di rumahnya dan istimewanya peralatan ini merupakan peralatan mudah dibawa ke mana sahaja. Aktiviti penyulaman Keringkam biasanya dilakukan di bahagian ruang tamu rumahnya.

## 1.7. Limitasi kajian

Selaku seorang pengkaji yang berstatus pelajar, pengkaji mempunyai limitasi dalam menjalankan kajian. Pertama adalah masalah dalam mendapatkan maklumat dan sumber rujukan. Semasa pengkaji menjalankan kajian, pengkaji mendapati kebanyakan sumber hanya memfokuskan kepada motif dan teknik penyulaman keringkam.

Kedua adalah masalah masa yang terhad dialami oleh pengkaji. Semasa pengkaji menjalankan kajian, pengkaji mengalami masalah masa yang terhad kerana percanggahan jadual kelas, perbincangan ahli kumpulan bagi menyiapkan tugas-tugas laporan berkumpulan dan tugasan individu.